



NEGERI PERAK

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PERAK GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

---

Jil. 71  
Bil. 23

**15hb November 2018**

*TAMBAHAN*  
*No. 3*

---

---

**No. 3302.**

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI  
PENYATA KEWANGAN MAJLIS PERBANDARAN TELUK INTAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

*Pendapat*

Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Teluk Intan telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Lembaran Imbangan pada 31 Disember 2016 dan Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Majlis Perbandaran Teluk Intan pada 31 Disember 2016 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan oleh Ahli Majlis dan Akta Kerajaan Tempatan, 1976 (Akta 171).

*Asas Kepada Pendapat*

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1975 dan The International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

*Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain*

Saya adalah bebas daripada Majlis Perbandaran Teluk Intan dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

*Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya*

Ahli Majlis bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan Pendapat saya terhadap penyata kewangan Majlis Perbandaran Teluk Intan tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

*Tanggungjawab Ahli Majlis Terhadap Penyata Kewangan*

Ahli Majlis bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Majlis Perbandaran Teluk Intan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan oleh Ahli Majlis dan Akta Kerajaan Tempatan, 1976 (Akta 171). Ahli Majlis juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Majlis Perbandaran Teluk Intan adalah bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Majlis Perbandaran Teluk Intan, Ahli Majlis bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Majlis Perbandaran Teluk Intan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

*Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan*

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Majlis Perbandaran Teluk Intan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut The International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan Majlis Perbandaran Teluk Intan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan, kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Majlis Perbandaran Teluk Intan.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Ahli Majlis.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Ahli Majlis dan berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Majlis Perbandaran Teluk Intan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Majlis Perbandaran Teluk Intan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh Laporan Juruaudit.
- e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan Majlis Perbandaran Teluk Intan memberi gambaran yang saksama.

Saya telah berkomunikasi dengan Ahli Majlis, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

#### *Laporan Mengenai Keperluan Perundangan Dan Peraturan Lain*

Berdasarkan keperluan Akta Kerajaan Tempatan, 1976 (Akta 171), saya juga melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta untuk disimpan oleh Majlis Perbandaran Teluk Intan telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta.

*Hal-hal Lain*

Laporan ini dibuat untuk Ahli Majlis dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.

SAHARUDDIN BIN MAHAMUD  
*b.p Ketua Audit Negara*  
*Malaysia*

IPOH  
4 Julai 2017

## PENYATA OLEH AHLI-AHLI MAJLIS

Kami Haji Ahmad Hilmi bin Yunus dan Haji Salleh Hudin bin Kamarudin yang merupakan Ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Teluk Intan, dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat Lembaga Ahli Majlis, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini beserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan didalamnya adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan mengenai kedudukan kewangan Majlis Perbandaran Teluk Intan pada 31 Disember 2016 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangan bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi Pihak Lembaga Ahli Majlis

t.t.  
HAJI AHMAD HILMI BIN YUNUS  
*Ahli Majlis*  
Bertarikh 14 Mac 2017

Bagi Pihak Lembaga Ahli Majlis

t.t.  
HAJI SALLEH HUDIN BIN KAMARUDIN  
*Ahli Majlis*  
Bertarikh 14 Mac 2017

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG  
BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN

Saya, Azizan bin Hj. Abd. Muin, yang merupakan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Teluk Intan dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat saya, Penyata Kewangan yang terdiri daripada Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota di dalamnya mengikut sebaik-

baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah benar dan saya membuat pengakuan ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya itu adalah benar dan menurut kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun 1960.

Ditandatangani dan diakui oleh:

Di hadapan saya

t.t.

t.t.

(AZIZAN BIN HJ. ABD. MUIN)

(NOR IKHWAN BIN MOHAMED YUSOF)

*Yang Dipertua*

*Pesuruhjaya Sumpah*

*Majlis Perbandaran Teluk Intan*

*Perak Darul Ridzuan*

Bertarikh: 14 Mac 2017

MAJLIS PERBANDARAN TELUK INTAN,  
PERAK DARUL RIDZUAN  
LEMBARAN IMBANGAN PADA 31 DISEMBER 2016

	NOTA	2016 RM	2015 RM
<b>ASET</b>			
Aset Semasa			
Tunai dan Kesetaraan Tunai	6.1	5,371,505	7,504,928
Akaun Belum Terima	6.2	3,067,817	3,366,242
Jumlah Aset Semasa		8,439,322	10, 871,170
Aset Bukan Semasa			
Hartanah, Loji dan Peralatan	5.0	42,062,178	43,582,065
Jumlah Aset Bukan Semasa		42,062,178	43,582,065
<b>JUMLAH ASET</b>		<b>50,501,500</b>	<b>54,453,235</b>
<b>LIABILITI</b>			
Liabiliti Semasa			
Akaun Belum Bayar	6.3	816,505	843,645
Terimaan Terdahulu	6.4	393,364	1,079,268
Deposit	6.5	2,468,479	2,122,425
Pinjaman Kerajaan Negeri	6.6	318,573	318,573
Jumlah Liabiliti Semasa		3,996,921	4,363,911

## LEMBARAN IMBANGAN PADA 31 DISEMBER 2016—(Samb.)

	NOTA	2016 RM	2015 RM
Liabiliti Bukan Semasa			
Pinjaman Kerajaan Negeri	6.6	1,475,943	1,794,516
Jumlah Liabiliti Bukan Semasa		1,475,943	1,794,516
<b>JUMLAH LIABILITI</b>		<b>5,472,864</b>	<b>6,158,427</b>
<b>ASET BERSIH</b>		<b>45,028,636</b>	<b>48,294,808</b>
<b>ASET BERSIH/EKUITI</b>			
Rezab Modal	6.7	23,131,957	25,162,995
Pemberian Kerajaan Dipermodalkan	4.3	20,498,721	21,474,943
Kumpulan Wang	6.8	1,397,958	1,656,870
<b>ASET BERSIH/EKUITI</b>		<b>45,028,636</b>	<b>48,294,808</b>

Penyata di atas hendaklah dibaca bersama dengan Nota-nota kepada Penyata Kewangan.

**MAJLIS PERBANDARAN TELUK INTAN,  
PERAK DARUL RIDZUAN  
PENYATA PERUBAHAN ASET BERSIH/EKUITI  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

	Rezab Modal	Pemberian Kerajaan Yang Dipermodalkan	Kumpulan Wang	Jumlah Keseluruhan
	RM	RM	RM	RM
Baki pada 1 Jan. 2015	26,417,341	20,789,501	1,756,971	48,963,813
Perubahan Aset Bersih/ Ekuiti bagi 2015	(51,913)	(4,364)	(323)	(56,600)
Terimaan	-	1,718,825	3,005,294	4,724,119
Bayaran	-	(1,029,019)	(3,105,072)	(4,134,091)
Kurangan Pendapatan	(1,202,433)	-	-	(1,202,433)
Baki seperti pada 31 Dis. 2015 dinyatakan Semula	25,162,995	21,474,943	1,656,870	48,294,808
Perubahan Aset Bersih/ Ekuiti bagi 2016	554	(1,000)	(358,180)	(358,626)

MAJLIS PERBANDARAN TELUK INTAN,  
PERAK DARUL RIDZUAN  
PENYATA PERUBAHAN ASET BERSIH/EKUITI  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016—(Samb.)

	Rezab Modal	Pemberian Kerajaan Yang Dipermodalkan	Kumpulan Wang	Jumlah Keseluruhan
	RM	RM	RM	RM
Terimaan	-	155,483	1,183,079	1,338,562
Bayaran	-	(1,130,705)	(1,083,811)	(2,214,516)
Kurangan Pendapatan	(2,031,592)	-	-	(2,031,592)
Baki seperti pada 31 Dis 2016	23,131,957	20,498,721	1,397,958	45,028,636

Penyata di atas hendaklah dibaca bersama dengan Nota-nota kepada Penyata Kewangan.

PENYATA ALIRAN TUNAI  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

	2016 RM	2015 RM
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI</b>		
Kurangan Pendapatan Atas Perbelanjaan	(2,031,593)	(1,202,433)
Pelarasan Bagi:		
Susutnilai Hartanah, Loji dan Peralatan	1,844,601	1,757,012
Pendapatan Tertangguh dari Pemberian Kerajaan Yang Dipermodal	(1,130,705)	(1,033,383)
Pelarasan Tahun Lepas	554	(51,913)
Keuntungan dari Jualan Harta	(49,232)	(431)
Hapuskira Aset	(997)	1,355
Faedah Diterima	(243,101)	(253,962)
Faedah Pinjaman	84,524	-
Penghutang Ragu	198,500	-
Kurangan Bersih dari Aktiviti Operasi Sebelum Perubahan dalam Modal Kerja	(1,327,448)	(783,755)
(Kurangan)/Kenaikan dalam Penghutang	99,925	(524,475)
(Kurangan)/Kenaikan dalam Pemiutang	(27,140)	26,031
(Kurangan)/Kenaikan dalam Terimaan Terdahulu dan deposit	(685,904)	361,707
Pertambahan Cagaran Diterima	346,054	-
(Kurangan) dalam Kumpulan Wang Pembangunan	(246,814)	-
(Kurangan) dalam Kumpulan Wang Lain	(12,098)	(100,101)
Tunai Dihasilkan dari Aktiviti Operasi	(1,853,425)	(1,020,593)

PENYATA ALIRAN TUNAI  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016—(Samb.)

	2016 RM	2015 RM
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN</b>		
Faedah Pelaburan Diterima	243,101	253,962
Terimaan dari Jualan Hartanah, Loji dan Peralatan	52,184	-
Pembelian Hartanah, Loji dan Peralatan	(172,186)	(128,454)
	123,099	125,508
<b>ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI KEWANGAN</b>		
Pinjaman Jangka Panjang	(318,573)	(306,320)
Pembayaran Faedah Pinjaman	(84,524)	-
Aliran Tunai Bersih Dihasilkan dari Aktiviti Kewangan	(403,097)	(306,320)
Penambahan Bersih dalam Tunai dan Kesetaraan Tunai	(2,133,423)	(1,201,405)
Tunai dan Kesetaraan Tunai pada Awal Tahun	7,504,928	8,706,333
Tunai dan Kesetaraan Tunai pada Akhir Tahun	5,371,505	7,504,928

**TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI**

Tunai dan setara tunai adalah terdiri daripada butiran dan jumlah yang dilaporkan dalam Lembaran imbalan:

	2016 RM	2015 RM
Pelaburan Simpanan Tetap	3,831,000	5,921,000
Tunai di Bank dan Tangan	1,540,505	1,583,928
Tunai dan Kesetaraan Tunai Pada Akhir Tahun	5,371,505	7,504,928

Penyata Aliran Tunai di atas hendaklah dibaca bersama-sama dengan Nota-nota kepada Penyata Kewangan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI  
TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

**1. MAKLUMAT ORGANISASI**

**1.1 VISI**

Ke arah menjadikan Teluk Intan kawasan Perbandaran yang maju, aman, dan sejahtera menjelang tahun 2021.



NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI  
TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016—(Samb.)

1.2 AKTIVITI UTAMA

Aktiviti utama Majlis adalah perkhidmatan perbandaran dan perancangan pembangunan yang teratur dan seimbang serta mengekalkan kualiti kebersihan persekitaran.

1.3 STRUKTUR ORGANISASI

Struktur organisasi pentadbiran dan pengurusan Majlis diketuai oleh Yang Dipertua dan dibantu oleh 22 orang Ahli Majlis yang juga merupakan Jawatankuasa bagi Majlis Perbandaran Teluk Intan yang dilantik oleh Kerajaan Negeri untuk membantu membuat keputusan, perancangan dan pelaksanaan. Majlis terdiri daripada 6 Jabatan, 2 Bahagian dan 4 unit iaitu:

- 1.3.1 Jabatan Khidmat Pengurusan
- 1.3.2 Jabatan Perbendaharaan
- 1.3.3 Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
- 1.3.4 Jabatan Perkhidmatan Perbandaran
- 1.3.5 Jabatan Kejuruteraan
- 1.3.6 Jabatan Perancangan Bandar Dan Landskap
- 1.3.7 Unit Teknologi Maklumat
- 1.3.8 Bahagian Penguatkuasaan
- 1.3.9 Unit Undang-Undang
- 1.3.10 Unit Audit Dalam
- 1.3.11 Unit OSC
- 1.3.12 Unit Perhubungan Awam dan Korporat

1.4 PENJAWATAN

Kumpulan Penjawatan	Waran	Taraf Jawatan	Diisi
Pengurusan dan Professional	9	Tetap	6
	1	Kontrak	1
Sokongan	322	Tetap	284
	26	Kontrak	26

1.5 PENGURUSAN MAJLIS

Majlis Perbandaran Teluk Intan ditubuhkan pada 1 Disember 1979 dibawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Ia diketuai oleh Yang Dipertua dan dibantu oleh 22 orang Ahli Majlis yang dilantik serta Setiausaha. Pengurusan Majlis dibahagikan kepada 6 Jabatan, 2 Bahagian dan 4 Unit dibawah Pejabat Yang Dipertua yang diketuai oleh pegawai pengurusan dan profesional. Majlis bertanggungjawab terhadap pentadbiran, pembangunan dan kemajuan Perbandaran Teluk Intan yang meliputi kawasan pentadbiran seluas 114 km persegi dan kawasan operasi seluas 39 km persegi.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI  
TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016—(*Samb.*)

### 1.6 OBJEKTIF MAJLIS

Secara umumnya objektif Majlis Perbandaran Teluk Intan adalah menghasilkan mutu kehidupan yang lebih selesa dan seimbang serta meninggikan taraf hidup bagi semua penduduk dalam kawasan Majlis dengan pelaksanaan perkara berikut:

- 1.6.1 Menyediakan segala kemudahan dan perkhidmatan sebagai asas mencapai mutu kehidupan yang lebih selesa dan meningkatkan taraf hidup penduduk dalam kawasan Majlis.
- 1.6.2 Memperkemaskan dan meningkatkan mutu perkhidmatan dan perancangan pembangunan dalam semua bidang.
- 1.6.3 Menggalak dan menyediakan kemudahan, rekreasi dan riadah awam.

### 1.7 FUNGSI MAJLIS

- 1.7.1 Perancangan dan kawalan pembangunan termasuk penyediaan Pelan Struktur.
- 1.7.2 Pembangunan pertumbuhan kawasan-kawasan baru.
- 1.7.3 Kawalan bangunan, iklan dan papan tanda.
- 1.7.4 Perkhidmatan kesihatan seperti kawalan mutu makanan dan kawalan penyakit berjangkit.
- 1.7.5 Pungutan sampah dan kawalan kebersihan.
- 1.7.6 Pelesenan dan kawalan perniagaan/penjajaan.
- 1.7.7 Pembinaan dan penyelenggaraan jalan-jalan seliaan Majlis.
- 1.7.8 Pengurusan lalulintas.
- 1.7.9 Penyediaan kemudahan awam.
- 1.7.10 Memperbaiki dan menaikkan taraf kemudahan-kemudahan asas.

### 1.8 KUASA DAN BIDANG KUASA

- 1.8.1 Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171)
- 1.8.2 Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133)
- 1.8.3 Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) dan
- 1.8.4 Undang-Undang Kecil yang diluluskan

### JAWATANKUASA MAJLIS

Lembaga/Jawatankuasa-Jawatankuasa yang diwujudkan terdiri daripada:

- i. Jawatankuasa Kewangan
- ii. Jawatankuasa OSC
- iii. Jawatankuasa Pelesenan
- iv. Jawatankuasa Perolehan (Tender & Sebutharga)
- v. Jawatankuasa Pelancongan & Keindahan Bandar
- vi. Jawatankuasa Penilaian & Pengurusan Harta

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI  
TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016—(Samb.)

JAWATANKUASA MAJLIS—(Samb.)

- vii. Jawatankuasa Pembangunan Hartanah & Penswastaan
- viii. Jawatankuasa Kebersihan
- ix. Jawatankuasa Undang-Undang & Penguatkuasaan
- x. Lembaga Lantikan & Kenaikan Pangkat
- xi. Lembaga Tatatertib

### 1.9 SUMBER KEWANGAN

Majlis membiayai perbelanjaan mengurus dan pembangunan melalui sumber pendapatan daripada hasil cukai, hasil bukan cukai dan pelbagai terimaan.

Dalam urusan operasi Majlis terdapat berbagai jenis geran dan bantuan yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan dan Negeri. Tujuan bantuan dan pemberian ini diberi adalah untuk pemilikan harta, menampung kos operasi dan projek-projek pembangunan dalam kawasan Majlis bagi pihak Kerajaan Persekutuan dan Negeri.

## 2. DASAR PERAKAUNAN

### 2.1 ASAS PERAKAUNAN

Penyata kewangan ini disediakan berdasarkan konvensyen Kos Sejarah selain dari dinyatakan dalam nota-nota kepada penyata kewangan dan menurut piawaian-piawaian perakaunan berkenaan yang diluluskan oleh Jawatankuasa Majlis Mesyuarat Penuh, Majlis Perbandaran Teluk Intan.

### 2.2 PENGIKTIRAFAN PENDAPATAN

Pendapatan adalah berdasarkan Kaedah Akruan kecuali pendapatan dari Lesen, Perkhidmatan, Bayaran Tempat Letak Kereta, Notis dan Denda.

## 3. POLISI PERAKAUNAN

### 3.1 HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

Hartanah, loji dan peralatan adalah dinyatakan pada kos serta ditolak susutnilai terkumpul dan sebarang penjejasan kerugian terkumpul.

Harta yang berjumlah RM2,000 dan ke atas akan dipermodalkan sebagai Hartanah Loji dan Peralatan, manakala bagi harta berjumlah kurang dari RM2,000 akan dicajkan sebagai perbelanjaan di Penyata Pendapatan terhadap pembekalan bermula tahun kewangan 2016.

### 3.2 PENGHUTANG

Penghutang dinyatakan pada nilai jangkaan yang boleh direalisasikan. Hutang lapuk akan dihapuskan apabila dikenalpasti.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI  
TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016—(Samb.)

3.3 KERJA DALAM PERLAKSANAAN

Kerja dalam pelaksanaan adalah kerja-kerja yang masih belum disempurnakan pada tahun kewangan dan dinyatakan pada nilai kos mengikut kaedah siap dilaksanakan. Kos Pembinaan akan dipindahkan ke hartanah, loji dan peralatan yang berkenaan apabila Sijil Perakuan Siap Kerja Dikeluarkan.

3.4 PERUNTUKAN HUTANG RAGU

Peruntukan Hutang Ragu dikenakan terhadap penghutang cukai taksiran yang melebihi enam (6) tahun keatas. Peruntukan Hutang Ragu dinilai dari baki penghutang yang wujud pada akhir tahun.

3.5 TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada tunai dalam tangan, baki-baki, simpanan dalam bank-bank dan pelaburan jangka pendek yang amat mudah cair yang boleh ditukar dengan mudah kepada tunai dan tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang tidak ketara.

3.6 PEMIUTANG

Pemiutang dinyatakan pada kos di mana ia adalah nilai saksama pertimbangan yang akan dibayar pada masa hadapan bagi barang dan perkhidmatan yang diterima.

3.7 PINJAMAN

Pinjaman yang diperolehi daripada mana-mana sumber Kerajaan, Agensi dan lain-lain pihak diperakaunkan berdasarkan kepada syarat-syarat yang dipersetujui bersama dan dinyatakan di Penyata Kedudukan Kewangan sebagai Pinjaman Jangka Panjang. Jumlah bayaran balik tahunan yang akan dibayar pula dinyatakan sebagai Pinjaman Jangka Pendek yang akan mengurangkan jumlah pinjaman Jangka Panjang mengikut jumlah yang sama.

3.8 GERAN-GERAN KERAJAAN

Majlis mengiktiraf terimaan geran daripada Kerajaan sebagai pendapatan Majlis. Segala perbelanjaan terus dicajkan kepada Penyata Pendapatan apabila berlaku pada tahun yang sama. Pembayaran berhubung pembelian Aset Majlis terus dicaj kepada Aset Tetap atau Kerja Dalam Pelaksanaan.

3.9 PENDAPATAN TERTANGGUH

Pendapatan tertangguh merupakan pendapatan daripada Pemberian Kerajaan Persekutuan atau Negeri. Ia diambilkira sebagai pendapatan mengikut kadar hayat aset berkenaan.

3.10 MANFAAT ANGGOTA

3.10.1 Manfaat Anggota Jangka Pendek

Gaji, Upahan, Imbuhan Tetap, Bonus dan faedah-faedah kewangan lain diakrukan pada tahun kewangan di mana perkhidmatan diberikan oleh anggota Majlis.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI  
TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016—(Samb.)

3.10.2 Pelan Sumbangan Tertakrif—(Samb.)

Kewajipan berkanun bagi majikan untuk membuat sumbangan kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Kumpulan Wang Persaraan (KWAP) akan diakru dalam penyata pendapatan apabila berlaku.

3.11 SUSUTNILAI

Hartanah, loji dan peralatan disusutnilaikan mengikut kaedah garis lurus. Peruntukan amaun susutnilai bagi sesuatu aset adalah berdasarkan jumlah yang boleh disusutnilaikan daripada aset tersebut bagi tempoh hayat boleh guna yang dijangkakan.

Pengiktirafan Susutnilai:

3.11.1 Pengiktirafan susutnilai atas harta dilakukan hanya bagi pembelian harta sebelum/pada 30hb Jun setiap tahun dengan mengambil kira peruntukan total untuk setahun tanpa mengambilkira bulan dibeli.

3.11.2 Tiada peruntukan susutnilai dibuat ke atas tanah milik bebas.

3.11.3 Kadaran bagi susutnilai yang diamalkan adalah seperti berikut:

Bangunan	:	2%
Gerai	:	5%
Kenderaan	:	20%
Peralatan	:	25%
Kelengkapan Pejabat	:	10%

3.12 CUKAI BARANGAN DAN PERKHIDMATAN (GST)

Mulai pada 1 April 2015 Majlis telah melaksanakan GST berdasarkan Bahagian 8, seksyen 64 Akta Cukai Barangan Dan Perkhidmatan 2014. GST tidak dikenakan bagi perkhidmatan yang berkaitan dengan fungsi penguatkuasaan dan kawalselia seperti cukai taksiran, lesen, denda dan hukuman. Terdapat 2 jenis cukai seperti berikut:

3.12.1 Cukai Output

Cukai yang dikenakan keatas hasil yang diterima daripada pengguna. Aktiviti yang melibatkan perkhidmatan terus kepada rakyat GST diserap oleh Majlis manakala aktiviti yang berbentuk komersial GST dikenakan kepada pengguna. Pengiraan GST berdasarkan asas tunai.

3.12.2 Cukai Input

Adalah Cukai keatas perolehan barang dan perkhidmatan. Pengiraan GST cukai input berdasarkan asas tunai.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI  
TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016—(Samb.)

4. PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN TAHUN 2016

4.1 ASAS PENYEDIAAN

Penyata ini telah disediakan secara berintegrasi di antara modul-modul dalam Sistem Perakaunan Berkomputer Pihak Berkuasa Tempatan (e-PBT).

4.2 PENYATA-PENYATA PENYOKONG

Penyata-penyata penyokong terdiri dari laporan komputer yang disediakan secara automatik dalam e-PBT. Walau bagaimanapun, sebahagian dari perakaunan aset disediakan secara manual.

4.3 KOMITMEN GERAN KERAJAAN (DIPERMODAL)

2016	Baki Pada 1 Jan	Tambahan	Pendapatan Tertanggung	Pelupusan	Baki Pada 31 Dis
	RM	RM	RM	RM	RM
Bangunan	14,191,926	-	(327,834)	-	13,864,092
Gerai	6,335,546	-	(520,155)	-	5,815,391
Kenderaan	916,112	108,527	(269,427)	(1,000)	754,212
Kelengkapan Pejabat	16,223	29,976	(1,905)	-	44,294
Peralatan	15,136	16,980	(11,384)	-	20,732
	21,474,943	155,483	(1,130,705)	(1,000)	20,498,721

  

2015	Baki Pada 1 Jan	Tambahan	Pendapatan Tertanggung	Pelupusan	Baki Pada 31 Dis
	RM	RM	RM	RM	RM
Bangunan	14,238,686	279,840	(322,237)	(4,363)	14,191,926
Gerai	5,659,936	1,153,630	(478,020)	-	6,335,546
Kenderaan	862,141	269,500	(215,528)	(1)	916,112
Kelengkapan Pejabat	2,224	15,855	(1,856)	-	16,223
Peralatan	26,514	-	(11,378)	-	15,136
	20,789,501	1,718,825	(1,029,019)	(4,364)	21,474,943

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016—(Samb.)

5. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN—(Samb.)

	2016		Gerai	Kenderaan	Kelengkapan Pejabat	Peralatan	Jumlah
	Tanah	Bangunan					
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Kos pada 1 Januari	1,740,989	39,327,290	12,674,207	4,369,544	2,127,713	354,760	60,594,503
Tambahan bagi tahun	-	-	-	217,055	93,634	16,980	327,669
Jualan/hapuskira dalam tahun	(2,952)	-	-	(57,562)	-	-	(60,514)
Kos pada 31 Disember	1,738,037	39,327,290	12,674,207	4,529,037	2,221,347	371,740	60,861,658
Susutnilai terkumpul pada 1 Januari	-	5,786,775	6,302,472	3,195,805	1,409,564	317,822	17,012,438
Susutnilai semasa	-	782,548	532,505	365,259	140,252	22,297	1,842,861
Jualan/hapuskira/tambahan	-	-	-	(57,559)	-	1,740	(55,819)
Susutnilai Terkumpul pada 31 Disember	-	6,569,323	6,834,977	3,503,505	1,549,816	341,859	18,799,480
Nilai Buku Bersih	1,738,037	32,757,967	5,839,230	1,025,532	671,531	29,881	42,062,178

Termasuk dalam hartanah, loji dan peralatan Majlis adalah bangunan dengan kos berjumlah RM3,676,705.56 yang dibina di atas tanah milik Kerajaan Persekutuan yang disewa oleh pihak Majlis.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016—(Samb.)

## 5. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN—(Samb.)

	2015		Tanah	Bangunan		Gerai	Kenderaan	Kelengkapan Pejabat		Peralatan	Jumlah
	RM	RM		RM	RM			RM	RM		
Kos pada 1 Januari	1,740,989	39,075,784		11,320,577	4,189,654		2,073,574	352,980		58,753,558	
Tambahan bagi tahun	-	279,840		1,353,630	362,340		59,089	1,780		2,056,679	
Jualan/hapuskira dalam tahun	-	(28,334)		-	(182,450)		(4,950)	-		(215,734)	
Kos pada 31 Disember	1,740,989	39,327,290		12,674,207	4,369,544		2,127,713	354,760		60,594,503	
Susutnilai terkumpul pada 1 Januari	-	5,029,191		5,800,949	3,067,168		1,265,814	297,714		15,460,836	
Susutnilai semasa	-	776,951		501,523	311,085		147,345	20,108		1,757,012	
Jualan/hapuskira/tambahan	-	(19,367)		-	(182,448)		(3,595)	-		(205,410)	
Susutnilai Terkumpul pada 31 Disember	-	5,786,775		6,302,472	3,195,805		1,409,564	317,822		17,012,438	
Nilai Buku Bersih	1,740,989	33,540,515		6,371,735	1,173,739		718,149	36,938		43,582,065	

Termasuk dalam hartanah, loji dan peralatan Majlis adalah bangunan dengan kos berjumlah RM3,676,705.56 yang dibina di atas tanah milik Kerajaan Persekutuan yang disewa oleh pihak Majlis.



NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI  
TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016—(Samb.)

## 6.0 ANGKA-ANGKA PERBANDINGAN

## 6.1 TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

## 6.1.1 AKAUN/TUNAI SEMASA

	2016	2015
	RM	RM
i. Akaun Simpanan Semasa (BIMB)	385,963	651,906
ii. Akaun Kutipan Hasil (MBB)	30,634	266,510
iii. Akaun Kutipan Hasil (BSN)	1,900	18,217
iv. Akaun Kutipan Hasil (PBB)	13,596	4,623
v. Akaun Pembasmian Kemiskinan Bandar	195,863	226,618
vi. Akaun Ransangan Ekonomi	-	3,000
vii. Akaun Amanah	781,709	410,474
viii. Akaun Sumbangan Saliran JPS	128,440	180
ix. Panjar Wang Runcit	2,400	2,400
Jumlah Akaun/Tunai Semasa	1,540,505	1,583,928

## 6.1.2 SIMPANAN TETAP

Jumlah Simpanan Tetap Majlis  
pada 31 Disember:

Baki pada 1 Januari 5,921,000 7,521,000

Tolak:

Pengeluaran dalam Tahun Semasa (2,090,000) (1,600,000)

Baki pada 31 Disember 3,831,000 5,921,000

Jumlah Tunai dan Kesetaraan Tunai 5,371,505 7,504,928

Sejumlah RM1,800,000 daripada wang simpanan tetap adalah terdiri daripada wang Cagaran.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI  
TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016—(Samb.)

6.2 AKAUN BELUM TERIMA

	2016	2015
	RM	RM
6.2.1 Cukai Taksiran Am	2,694,740	2,639,267
6.2.2 Caruman Bantuan Kadar	9,247	3,702
6.2.3 Sewa Gerai	146,477	162,000
6.2.4 Sewa Bangunan Perniagaan	128,983	-
6.2.5 Sewa Pelbagai	34,150	-
6.2.6 Penghutang GST	191,836	289,832
6.2.7 Pelbagai Penghutang	38,781	228,274
(A) Jumlah	3,244,214	3,323,075
6.2.8 Pinjaman Kenderaan Kakitangan:		
Baki pada 1 Januari	4,447	6,431
Pinjaman Dikeluarkan dalam Tahun Semasa	4,700	-
Tolak: Bayaran Balik Pinjaman (Pokok)	(3,170)	(1,984)
(B) Baki Pada 31 Disember	5,977	4,447
6.2.9 Pinjaman Komputer Kakitangan:		
Baki pada 1 Januari	51,781	83,206
Pinjaman Dikeluarkan dalam Tahun Semasa	17,107	8,500
Tolak: Bayaran Balik Pinjaman (Pokok)	(39,701)	(39,925)
(C) Baki Pada 31 Disember	29,187	51,781
Jumlah Keseluruhan Penghutang (A+B+C)	3,279,378	3,379,303
Tolak:		
Peruntukan Hutang Ragu (Cukai Taksiran Am)	(211,561)	(13,061)
Jumlah Akaun Belum Terima	3,067,817	3,366,242

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI  
TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016—(Samb.)

6.3 AKAUN BELUM BAYAR

	2016	2015
	RM	RM
6.3.1 Bayaran Audit	23,456	23,456
6.3.2 Pelbagai Pemiutang	793,049	820,189
Jumlah Akaun Belum Bayar	816,505	843,645

6.4 TERIMAAN TERDAHULU

6.4.1 Cukai Taksiran Am	381,163	1,065,532
6.4.2 Sewa Gerai	11,049	12,440
6.4.3 Sewa Pelbagai	1,152	1,296
Jumlah Terimaan Terdahulu	393,364	1,079,268

6.5 DEPOSIT

Baki pada 1 Januari	2,122,425	1,882,817
Penambahan Dalam Tahun Semasa	709,739	571,716
	2,832,164	2,454,533
Tolak: Pengeluaran Dalam Tahun Semasa	(363,685)	(332,108)
Baki pada 31 Disember	2,468,479	2,122,425

Wang deposit adalah wang awam yang dipegang oleh Majlis sebagai jaminan terhadap perkhidmatan/kerja yang telah diberikan oleh Majlis. Deposit tersebut terdiri daripada sewaan dewan, gerai, bangunan, kontrak perkhidmatan pembersihan dan projek pembangunan. Tuntutan bayaran balik deposit dibuat oleh pihak pendeposit apabila perkhidmatan/kerja dilaksanakan dengan sempurna mengikut syarat/perjanjian.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI  
TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016—(Samb.)

6.6 PINJAMAN KERAJAAN NEGERI

	2016 RM	2015 RM
Baki pada 1 Januari	1,794,516	2,113,089
Tolak: Pinjaman Jangka Pendek	(318,573)	(318,573)
Baki pada 31 Disember	1,475,943	1,794,516

Majlis Perbandaran Teluk Intan telah menandatangani Perjanjian Pinjaman wang dengan Kerajaan Negeri pada 17 September 2003 sebanyak RM3 juta dan pinjaman tambahan sebanyak RM3 juta pada 29 Julai 2005. Tujuan pinjaman adalah untuk pembiayaan pembinaan projek pejabat baru Majlis Perbandaran Teluk Intan. Ansuran pinjaman pertama berakhir pada tahun 2014 manakala ansuran pinjaman tambahan akan berakhir pada tahun 2021.

6.7 REZAB MODAL (KUMPULAN WANG TERKUMPUL)

	2015 RM
Baki pada 31 Disember 2014	26,417,341
Perubahan Aset Bersih/Ekuiti Tahun Lalu	(51,913)
Baki Pada 31 Disember 2014 Dinyatakan Semula	26,365,428
Kurangan Pendapatan	(1,202,433)
Baki Seperti Pada 31 Disember 2015	25,162,995
	2016 RM
Baki Pada 31 Disember 2015	25,162,995
Perubahan Aset Bersih/Ekuiti Tahun Lalu	554
Baki Pada 31 Disember 2015 Dinyatakan Semula	25,163,549
Kurangan Pendapatan	(2,031,592)
Baki Seperti Pada 31 Disember 2015	23,131,957

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI  
TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016—(Samb.)

6.8 KUMPULAN WANG

6.8.1 KUMPULAN WANG PEMBASMIAN KEMISKINAN BANDAR

	2016	2015
	RM	RM
Baki pada 1 Januari	224,845	250,141
Penerimaan dalam Tahun Semasa	-	166,656
	224,845	416,797
Tolak: Pembayaran Dalam Tahun Semasa	(31,248)	(191,952)
Baki pada 31 Disember	193,597	224,845

6.8.2 KUMPULAN WANG PROGRAM NEGERI

Baki pada 1 Januari	3,009	2,759
Penerimaan dalam Tahun Semasa	5,000	50,000
	8,009	52,759
Tolak: Pembayaran Dalam Tahun Semasa	(7,717)	(49,750)
Baki pada 31 Disember	292	3,009

6.8.3 KUMPULAN WANG LA21

Baki pada 1 Januari	20,525	30,000
Penerimaan dalam Tahun Semasa	10,000	40,000
	30,525	70,000
Tolak: Pembayaran Dalam Tahun Semasa	(30,490)	(49,475)
Baki pada 31 Disember	35	20,525

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI  
TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016—(Samb.)

6.8.4 KUMPULAN WANG PILIHAN RAYA KECIL TELUK INTAN

	2016	2015
	RM	RM
Baki pada 1 Januari	138	-
Penerimaan dalam Tahun Semasa	-	138
	<hr/>	<hr/>
Baki pada 31 Disember	138	138
	<hr/>	<hr/>

6.8.5 KUMPULAN WANG JAWATANKUASA PERWAKILAN  
PENDUDUK

Baki pada 1 Januari	675	-
Penerimaan dalam Tahun Semasa	-	5,000
	<hr/>	<hr/>
	675	5,000
Tolak: Pembayaran Dalam Tahun Semasa	-	(4,325)
	<hr/>	<hr/>
Baki pada 31 Disember	675	675
	<hr/>	<hr/>

6.8.6 KUMPULAN WANG BAYARAN BALIK

Baki pada 1 Januari	243	6,844
Penerimaan dalam Tahun Semasa	114,057	142,582
	<hr/>	<hr/>
	114,300	149,426
Tolak: Pembayaran Dalam Tahun Semasa	(72,827)	(149,183)
	<hr/>	<hr/>
Baki pada 31 Disember	41,473	243
	<hr/>	<hr/>

6.8.7 KUMPULAN WANG UNIT KESEJAHTERAAN BANDAR  
(UKB)

Penerimaan dalam Tahun Semasa	19,901	614
Tolak: Pembayaran Dalam Tahun Semasa	(18,774)	(614)
	<hr/>	<hr/>
Baki pada 31 Disember	1,127	-
	<hr/>	<hr/>

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI  
TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016—(Samb.)

6.8.8 KUMPULAN WANG PILIHAN RAYA KECIL TELUK INTAN

	2016	2015
	RM	RM
Baki pada 1 Januari	5,077	-
Penerimaan dalam Tahun Semasa	-	17,134
	<hr/>	<hr/>
	5,077	17,134
Tolak: Pembayaran Dalam Tahun Semasa	-	(11,734)
Pelarasan Tunggakan 2013	-	(323)
	<hr/>	<hr/>
Baki pada 31 Disember	5,077	5,077

6.8.9 KUMPULAN WANG BANDAR SELAMAT

Baki pada 1 Januari	22,087	319
Penerimaan dalam Tahun Semasa	-	500,000
	<hr/>	<hr/>
	22,087	500,319
Tolak: Pembayaran Dalam Tahun Semasa	(21,768)	(478,232)
	<hr/>	<hr/>
Baki pada 31 Disember	319	22,087

6.8.10 KUMPULAN WANG PARKIR

Baki pada 1 Januari	235,000	202,500
Penerimaan dalam Tahun Semasa	13,125	32,500
	<hr/>	<hr/>
Baki pada 31 Disember	248,125	235,000

Kumpulan Wang Parkir adalah bayaran yang diterima daripada pemaju sebagai syarat am penyediaan petak letak kereta bagi setiap projek pembangunan. Wang ini akan digunakan untuk tujuan tersebut.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI  
TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016—(Samb.)

6.8.11 KUMPULAN WANG PERSIMPANGAN INDUSTRI KANCIL

	2016	2015
	RM	RM
Baki pada 1 Januari	72,000	72,000
Baki pada 31 Disember	72,000	72,000

Kumpulan Wang Industri Kecil adalah bayaran yang diterima daripada pemaju untuk tujuan naik taraf laluan simpang.

6.8.12 KUMPULAN WANG PELANCONGAN

Baki pada 1 Januari	261	1,251
Tolak: Pembayaran dalam Tahun Semasa	-	(990)
Baki pada 31 Disember	261	261

6.8.13 KUMPULAN WANG KPKT

Baki pada 1 Januari	438,034	342,409
Penerimaan dalam Tahun Semasa	462,837	1,792,224
	900,871	2,134,633
Tolak: Pembayaran dalam Tahun Semasa	(769,958)	(1,696,599)
Baki pada 31 Disember	130,913	438,034

6.8.14 KUMPULAN WANG CAJ PEMAJUAN

Baki pada 1 Januari	528,050	740,000
Penerimaan dalam Tahun Semasa	367,400	251,550
	895,450	991,550
Tolak: Pembayaran dalam Tahun Semasa	-	(463,500)
Pelarasan (40%) Terimaan Hasil Majlis	(358,180)	-
Baki pada 31 Disember	537,270	528,050

Kumpulan Wang Caj Pemasukan adalah bayaran yang dikenakan untuk tukar syarat projek pembangunan. Nisbah pembahagian terimaan adalah 40 peratus diiktiraf sebagai terimaan hasil Majlis dan 60 peratus untuk belanja pembangunan.



NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI  
TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016—(Samb.)

6.8.15 KUMPULAN WANG PAPAN IKLAN LUAR

	2016	2015
	RM	RM
Baki pada 1 Januari	3,930	-
Penerimaan dalam Tahun Semasa	6,776	3,930
	10,706	3,930
Tolak: Pembayaran dalam Tahun Semasa	(3,930)	-
Baki pada 31 Disember	6,776	3,930

Kumpulan Wang Papan Iklan Luar adalah caj yang dikenakan ke atas tapak iklan.

6.8.16 KUMPULAN WANG PROGRAM RANSANGAN EKONOMI

Baki pada 1 Januari	2,996	2,996
Tolak: Pelarasan Penutupan ke Akaun Hasil	(2,996)	-
Baki pada 31 Disember	-	2,996

6.8.17 KUMPULAN WANG SALIRAN

Penerimaan dalam Tahun Semasa	183,983	194,136
Tolak: Pembayaran dalam Tahun Semasa	(124,103)	(194,136)
Baki pada 31 Disember	59,880	-

Wang Saliran adalah bayaran daripada pemaju bagi mendapatkan kelulusan susun atur berdasarkan kepada kadar yang telah ditetapkan. Wang ini dikeluarkan dan dibayar kepada Pengarah JPS Negeri Perak.

6.8.18 KUMPULAN WANG PENDAHULUAN PINJAMAN

Baki pada 1 Januari	100,000	100,000
Baki pada 31 Disember	100,000	100,000
Jumlah Kumpulan Wang	1,397,958	1,656,870

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI  
TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016—(Samb.)

7.0 PELARASAN TAHUN LALU

Pelarasan tahun lalu adalah berkaitan perkara-perkara berikut:

	2016
	RM
Pelarasan Semula Remisi LPN ke Penghutang CBK Berkanun	798
Pelarasan Penutupan Akaun Kumpulan Wang Wah Ken Jooi	(244)
	-----
Perubahan Aset Bersih/Ekuiti	554
	-----

Pelarasan tahun lalu adalah berkaitan perkara-perkara berikut:

	2015
	RM
Pelarasan penyelesaian bayaran tunggakan sewa	5,600
Pelarasan semula remisi Sumbangan Membantu Kadar LPN 2014	(798)
Pelarasan tahun Cukai Taksiran	(56,715)
	-----
Perubahan Aset Bersih/Ekuiti	(51,913)
	-----

8.0 PENDAPATAN

8.1 HASIL CUKAI

	2016	2015
	RM	RM
8.1.1 Cukai Taksiran Am	10,926,113	10,750,090
8.1.2 Carum Bantu Kadar	431,285	430,847
	-----	-----
Jumlah	11,357,398	11,180,937
	-----	-----

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI  
TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016—(Samb.)

## 8.2 HASIL BUKAN CUKAI

	2016	2015
	RM	RM
8.2.1 Lesen dan Pendaftaran	2,515,053	2,360,134
8.2.2 Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan	986,594	945,759
8.2.3 Perolehan dari Jualan Barang-Barang	167,652	77,213
8.2.4 Sewaan	2,180,777	2,373,966
8.2.5 Faedah dari Simpanan Tetap dan Pinjaman	243,101	253,962
8.2.6 Denda dan Hukuman	855,143	624,829
Jumlah	6,948,320	6,635,863

## 8.3 TERIMAAN BUKAN HASIL

8.3.1 Geran Tahunan	2,446,201	2,446,201
8.3.2 Pindahan dari Pemberian Kerajaan yang Dimodalkan	1,130,705	1,029,019
8.3.3 Pelarasan Pelupusan Hartanah, Loji dan Peralatan Pemberian Kerajaan	1,000	4,364
8.3.4 Pelbagai Hasil	319,086	201,204
8.3.5 Peruntukan Hutang Ragu Baikpulih	-	108
8.3.6 Sumbangan Bil Elektrik dari KPKT	912,685	814,845
8.3.7 Sumbangan Penyelenggaraan Jalan	427,691	138,501
8.3.8 Sumbangan Caj Pemajuan	358,180	-
8.3.9 Keuntungan dari Pelupusan Aset	47,477	431
Jumlah	5,643,025	4,634,673

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI  
TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016—(Samb.)

9.3 PEMBERIAN DAN KENAAN BAYARAN TETAP

	2016	2015
	RM	RM
9.3.1 Pemberian Kepada Kelab Sukan	27,304	50,000
9.3.2 Faedah atas Pinjaman Kerajaan Negeri	84,524	96,776
9.3.3 Pemberian dan Bantuan Lain	107,600	136,227
Jumlah	219,428	283,003

9.4 PERBELANJAAN-PERBELANJAAN LAIN

9.4.1 Cukai Tanah	71,723	67,000
9.4.2 Premium Insuran, Komisyen Bank dan Bayaran Lain	276,666	281,030
9.4.3 Kerugian dari Pelupusan Hartanah, Loji dan Peralatan	-	1,355
9.4.4 Bayaran Balik Hasil	3,002	1,515
Jumlah	351,391	350,900

MAJLIS PERBANDARAN TELUK INTAN  
PERAK DARUL RIDZUAN  
ANGGARAN BAJET TAHUN 2018

**No. 3303.**

Menurut kehendak Seksyen 55(6) Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), Bajet tahun 2018 bagi Majlis Perbandaran Teluk Intan, Perak sepertimana yang telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri, mengikut Majlis Mesyuarat Kerajaan Bil. 1922 pada 29 November 2017 dan disahkan pada 05 Disember 2017 meluluskan bajet seperti berikut:

MAJLIS PERBANDARAN TELUK INTAN  
ANGGARAN BAJET 2018

	Bajet 2018 (RM)
Jumlah Besar Pendapatan	26,380,756.00
Jumlah Besar Belanja Mengurus	30,186,210.00
Jumlah Besar Belanja Pembangunan	500,010.00
Lebihan/Kurangan Pendapatan	(4,305,464.00)

Bertarikh 3 Januari 2018  
[MPTI/120/18 Jld. 2 Bil (30)]

AZIZAN B. HJ. ABD MUIN  
*Yang Dipertua*  
*Majlis Perbandaran Teluk Intan*

MAJLIS PERBANDARAN TELUK INTAN  
BAJET 2018

PENYATA HARTA DAN HUTANG

Butiran	Baki Yang Dijangka 2018 (RM)	Baki Yang Dijangka 2017 (RM)	Baki Sebenar 2016 (RM)	Baki Sebenar 2015 (RM)	Baki Sebenar 2014 (RM)
Tunggakan Hasil Cukai Taksiran	2,500,000	2,550,000	2,694,740	2,639,267	2,446,158
Simpanan Tetap	5,000,000	4,500,000	3,831,000	4,121,000	5,721,000
Wang Tunai dan Baki di Bank	2,500,000	2,000,000	1,409,665	2,131,164	1,185,333
Liabiliti	760,279	1,118,630	1,475,943	1,794,516	2,113,089
Jumlah	10,760,279	10,168,630	9,411,348	10,685,947	11,465,580

MAJLIS PERBANDARAN TELUK INTAN  
PENYATA ANGGARAN ALIRAN TUNAI BULANAN BAGI TAHUN 2018

Jenis Pendapatan	Anggaran Bulanan													
	2018	Januari	Februari	Mac	April	Mei	Jun	Julai	Ogos	September	Oktober	November	Disember	Jumlah
Hasil Cukai	Bajet	12,431,489.00	2,300,000.00	1,750,000.00	650,000.00	390,000.00	150,000.00	900,000.00	1,010,000.00	400,000.00	300,000.00	250,000.00	200,000.00	11,300,000.00
Hasil Bukan Cukai		9,809,275.00	890,000.00	880,000.00	799,000.00	690,000.00	640,000.00	590,000.00	525,000.00	486,000.00	440,000.00	420,000.00	390,000.00	7,730,000.00
Terimaan Bukan Hasil		4,139,992.00	58,500.00	7,500.00	2,446,201.00	685,000.00	75,000.00	158,000.00	3,500.00	4,000.00	10,000.00	15,500.00	66,000.00	4,035,701.00
Jumlah Pendapatan		26,380,756.00	4,038,500.00	2,637,500.00	3,895,201.00	1,765,000.00	865,000.00	1,648,000.00	1,538,500.00	890,000.00	750,000.00	685,500.00	656,000.00	23,065,701.00

  

Jenis Pendapatan	Anggaran Bulanan													
	2016	Januari	Februari	Mac	April	Mei	Jun	Julai	Ogos	September	Oktober	November	Disember	Jumlah
